



KERAJAAN MALAYSIA

**Penubuhan dan Tanggungjawab Jawatankuasa
*Contract Coordination Panel (CCP)***

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 4.4 PENUBUHAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA CONTRACT COORDINATION PANEL (CCP)	2
1. Latar Belakang	2
2. Definisi CCP	2
3. Fungsi Dan Bidang Kuasa CCP	2
4. Keanggotaan Dan Tanggungjawab CCP	3
4.1 Keanggotaan CCP	3
4.2 Tanggungjawab CCP	5
5. Penentuan Bagi Membawa Pertikaian Kontrak Kepada CCP	5
6. Pematuhan Kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]	7
7. Tarikh Kuat Kuasa	7

PK 4.4 PENUBUHAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA CONTRACT COORDINATION PANEL (CCP)

1. Latar Belakang

- 1.1. Berdasarkan pemerhatian Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, Jabatan Audit Negara dan Kementerian Kewangan, terdapat kelemahan yang ketara di peringkat Kementerian/Agensi dalam pentadbiran kontrak masing-masing dan menjadi kelaziman isu pertikaian dan pentadbiran kontrak dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad.
- 1.2. Selaras dengan konsep “*let managers manage*”, sewajarnya pemantauan dan pentadbiran kontrak Kerajaan hendaklah diuruskan sendiri oleh Kementerian/Agensi masing-masing dan berdasarkan kepada syarat kontrak dan peraturan Kerajaan yang berkuatkuasa.
- 1.3. Walau bagaimanapun, kerap kali timbul situasi di mana isu pentadbiran kontrak tidak dapat diselesaikan oleh wakil Kerajaan atau Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian (*Dispute Resolution Committee – DRC*) masing-masing yang mengakibatkan berlakunya pertikaian kontrak yang berlarutan.
- 1.4. Sehubungan itu, pada 29 Mei 2015, Kementerian Kewangan telah mengarahkan agar satu Jawatankuasa *Contract Coordination Panel* (CCP) ditubuhkan di peringkat Kementerian.

2. Definisi CCP

- 2.1. CCP adalah satu jawatankuasa yang ditubuhkan khusus untuk menguruskan isu pentadbiran dan pertikaian kontrak yang meliputi kontrak bekalan, perkhidmatan (termasuk perunding) dan kerja bagi Kementerian dan Agensi. CCP diberi kuasa bagi pihak Kerajaan untuk mempertimbangkan perakuan Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (PP) mengenai projek sakit dan memutuskan sama ada untuk menamatkan kontraktor sedia ada atau melaksanakan langkah pemulihan yang akan dilaksanakan oleh PP bagi projek sakit.

3. Fungsi Dan Bidang Kuasa CCP

- 3.1. Fungsi dan bidang kuasa CCP adalah membuat keputusan muktamad mengenai tindakan yang akan dilaksanakan oleh PP

yang meliputi kontrak bekalan, perkhidmatan (termasuk perunding) dan kerja berkaitan perkara-perkara berikut sahaja:

3.1.1. **Mempertimbangkan Pertikaian Kontrak**

- (a) Bagi isu pertikaian kontrak yang timbul di antara syarikat dengan Kerajaan berkaitan pembekalan barangan, penyediaan perkhidmatan atau pelaksanaan projek, ianya hendaklah diselesaikan terlebih dahulu mengikut prosedur sebagaimana **ditetapkan dalam syarat kontrak** iaitu di peringkat wakil Kerajaan.
- (b) Sekiranya pertikaian tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan ataupun syarikat tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat, pertikaian tersebut hendaklah dibawa ke CCP. Sekiranya persetujuan bersama masih tidak dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan, pertikaian hendaklah seterusnya dibawa ke Timbang Tara (*Arbitration*).

3.1.2. **Pengesyoran Penamatan Syarikat atau Langkah Pemulihan Bagi Projek Sakit**

- (a) CCP diberi kuasa untuk membuat pertimbangan ke atas perakuan PP mengenai projek sakit dan membuat pengesyoran sama ada untuk menamatkan kontrak syarikat sedia ada atau melaksanakan langkah pemulihan dengan dinyatakan secara jelas tindakan yang perlu diambil oleh PP. Peraturan semasa berkaitan tatacara pelantikan kontraktor penyiap bagi projek sakit hendaklah dipatuhi.

3.2. Agensi adalah tidak dibenarkan untuk membuat sebarang keputusan di luar kuasa yang dinyatakan dalam kontrak atau peraturan semasa yang berkuat kuasa.

4. Keanggotaan Dan Tanggungjawab CCP

4.1 Keanggotaan CCP

Peranan	Keanggotaan
Pengerusi	(i) Ketua Setiausaha (bagi Kementerian) (ii) Ketua Pengarah (hanya bagi Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran)

Peranan	Keanggotaan
	(iii) Timbalan Ketua Setiausaha Kanan bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) sahaja
Ahli Tetap	<p>Pegawai Kementerian/Agensi daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) iaitu sekurang-kurangnya gred 48 dan ke atas yang kompeten dan berupaya memberi pandangan dan nasihat kepada Pengerusi :</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Seorang pegawai teknikal (ii) Seorang pegawai undang-undang (iii) Seorang pegawai kewangan (iv) Seorang pegawai perolehan (v) Seorang pegawai pembangunan
Ahli Jemputan	<ul style="list-style-type: none"> (i) Pemilik projek bagi setiap projek yang akan dibincangkan di dalam mesyuarat. (ii) Mana-mana pihak yang dirasakan perlu hadir. (iii) Wakil Agensi Pelanggan bagi projek sakit (kehadiran adalah mandatori). (iv) Agensi adalah digalakkan untuk menjemput syarikat bagi memberi penjelasan ke atas isu yang berbangkit.
Urus Setia	<ul style="list-style-type: none"> (i) Seorang ketua Urus Setia daripada mana-mana skim perkhidmatan yang bersesuaian daripada Kumpulan P&P bergred sekurang-kurangnya 48 dan ke atas. (ii) Pembantu-pembantu ketua Urus Setia dari mana-mana skim perkhidmatan yang bersesuaian sama ada daripada Kumpulan P&P/Sokongan.
Korum Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> (i) Minimum lima (5) orang termasuk Pengerusi. (ii) Kehadiran pegawai undang-undang, pegawai teknikal, pegawai perolehan dan pegawai pembangunan/ kewangan adalah diwajibkan.

4.1.1 Agensi hendaklah memastikan pelantikan Pengerusi dan Ahli Tetap yang menganggotai CCP adalah berdasarkan ketetapan berikut :

- (i) Merupakan pegawai yang memegang gred jawatan lebih tinggi daripada keanggotaan DRC dan Jawatankuasa Tuntutan yang ditubuhkan di Agensi memandangkan keanggotaan CCP adalah merupakan keanggotaan yang tertinggi; dan

- (ii) Merupakan pegawai yang berbeza daripada keanggotaan DRC dan Jawatankuasa Tuntutan bagi mengelakkan percanggahan kepentingan. Sehubungan itu, bagi kontrak kerja yang memerlukan penubuhan Jawatankuasa Tuntutan selaras dengan AP202, Jawatankuasa Tuntutan tersebut boleh dipengerusikan oleh Ketua Jabatan atau pegawai lain yang diturunkan kuasa oleh Ketua Jabatan bagi memastikan keanggotaannya dengan CCP tidak melibatkan pegawai yang sama.

4.2 Tanggungjawab CCP

- 4.2.1 Pengerusi CCP adalah bertanggungjawab memastikan hanya ahli CCP berserta Urus Setia mesyuarat sahaja berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan hendak dibuat. Mana-mana pihak yang bukan ahli CCP tidak dibenarkan berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan dibuat dan Pengerusi CCP hendaklah memastikan peraturan ini dipatuhi.
- 4.2.2 Urus Setia CCP adalah bertanggungjawab membuat semakan dan *due diligence* ke atas permohonan Agensi/rayuan syarikat yang diterima dan menyediakan perakuan untuk persetujuan Pengerusi dan Ahli CCP.
- 4.2.3 Keputusan CCP hendaklah menggunakan format borang seperti di [Lampiran 1](#).
- 4.2.4 Memandangkan antara skop tugas CCP adalah untuk memberi pertimbangan ke atas perakuan PP berkaitan projek sakit, adalah menjadi tanggungjawab Urus Setia CCP untuk menjadualkan mesyuarat CCP secara berkala berdasarkan keperluan bagi memastikan isu-isu berkaitan kontrak dan projek sakit dapat dibincangkan dan diputuskan tanpa lengah.

5. Penentuan Bagi Membawa Pertikaian Kontrak Kepada CCP

- 5.1 **CCP Yang Dipengerusikan Oleh Ketua Setiausaha (KSU) - Bagi Kementerian**
 - 5.1.1 Menguruskan isu pertikaian kontrak dan projek sakit yang melibatkan projek sendiri, projek Agensi di bawah seliaan Kementerian dan projek yang dilaksanakan bagi pihak Agensi Pelanggan.

5.1.2 Walau bagaimanapun, jika projeknya sendiri atau projek Agensi di bawah seliaannya telah diserahkan untuk dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sebarang pertikaian kontrak hendaklah diuruskan oleh CCP JKR atau CCP JPS. Sebagai contoh Kementerian Kesihatan (KKM) telah menyerahkan projek kepada JKR untuk dilaksanakan, sebarang pertikaian kontrak hendaklah diuruskan oleh CCP JKR dan bukannya CCP Kementerian Kerja Raya (KKR) mahupun CCP KKM.

5.1.3 Bagi CCP KKR dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), CCPnya bertanggungjawab untuk menguruskan isu pertikaian kontrak yang melibatkan projek sendiri dan projek Agensi di bawah seliaannya kecuali JKR dan JPS. Manakala bagi projek Agensi Pelanggan, pertikaian hendaklah diuruskan di peringkat CCP JKR dan CCP JPS.

5.2 **CCP Yang Dipengerusikan Oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan - Bagi JPM**

5.2.1 Menguruskan isu pertikaian kontrak dan projek sakit yang melibatkan projek JPM sendiri, projek Agensi di bawah seliaan JPM dan projek yang dilaksanakan bagi pihak Agensi Pelanggan.

5.2.2 Walau bagaimanapun, jika projek JPM atau projek Agensi di bawah seliaan JPM telah diserahkan untuk dilaksanakan oleh JKR atau JPS, sebarang pertikaian kontrak hendaklah diuruskan oleh CCP JKR atau CCP JPS dan bukannya oleh CCP JPM.

5.3 **CCP Yang Dipengerusikan Oleh Ketua Pengarah JKR**

5.3.1 Menguruskan isu pertikaian kontrak dan projek sakit yang melibatkan projek JKR sendiri, projek cawangan di bawah seliaan JKR dan projek yang dilaksanakan bagi pihak Agensi Pelanggan.

5.4 **CCP Yang Dipengerusikan Oleh Ketua Pengarah JPS**

5.4.1 Menguruskan isu pertikaian kontrak dan projek sakit yang melibatkan projek JPS sendiri, projek cawangan di bawah seliaan JPS dan projek yang dilaksanakan bagi pihak Agensi Pelanggan.

6. Pematuhan Kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]

Laporan Penilaian, perakuan wakil Kerajaan, keputusan oleh mana-mana jawatankuasa, minit mesyuarat atau apa-apa dokumen sokongan hendaklah diklasifikasikan sebagai 'SULIT' dan tidak boleh disebarikan kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan. Walau bagaimanapun, PP/Wakil Kerajaan boleh memaklumkan secara bertulis kepada syarikat yang terlibat dalam pertikaian mengenai keputusan muktamad Kerajaan tanpa melampirkan salinan surat keputusan yang dibuat. Kegagalan dalam memastikan perkara ini boleh dianggap sebagai melanggar Akta Rahsia Rasmi 1972 (*Official Secrets Act – OSA*) [Akta 88] dan boleh mengakibatkan tindakan tatatertib diambil ke atas pegawai yang terlibat.

7. Tarikh Kuat Kuasa

7.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **1 September 2017**.

SURAT KEPUTUSAN
CONTRACT COORDINATION PANEL
KEMENTERIAN

Mesyuarat Bil.
Hari, Tarikh, Masa

Bilik Mesyuarat,
.....,
.....,
.....,

NAMA PROJEK: _____

*Contract Coordination Panel (CCP) Kementerian _____, bersetuju untuk *memperakukan penamatan / langkah pemulihan bagi kontraktor _____ untuk projek di atas. Justifikasi keputusan dan tindakan susulan yang perlu diambil oleh Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek adalah seperti di Lampiran.*

Pengerusi CCP
Kementerian _____ (Setuju / Tidak Setuju) _____ (nama)

Ahli CCP
Kementerian _____ (Setuju / Tidak Setuju) _____ (nama)

Ahli CCP
Kementerian _____ (Setuju / Tidak Setuju) _____ (nama)

Ahli CCP
Kementerian _____ (Setuju / Tidak Setuju) _____ (nama)

Ahli CCP
Kementerian _____ (Setuju / Tidak Setuju) _____ (nama)

Ahli CCP
Kementerian _____ (Setuju / Tidak Setuju) _____ (nama)